

Rakyat rugi jika tak pilih BN — Ghafar

UM2 3 NOV 1999

MELAKA 22 Nov. — Rakyat akan rugi sekiranya tidak memilih kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memerintah negara ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba berkata, ini kerana beliau menganggap Dr. Mahathir sebagai antara Perdana Menteri yang terbaik pernah memimpin negara ini.

Berdasarkan pengalamannya bersama kesemua Perdana Menteri sebelum ini, katanya, beliau percaya Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang amat mementingkan kesejahteraan rakyatnya.

"Beliau (Dr. Mahathir) sentiasa ingatkan rakyat siang dan malam, jadi kalau kita tidak sokong beliau, kita akan rugi," katanya pada majlis penemuan bersama anggota jentera pilihan raya MCA Bahagian Batu Berendam di sini hari ini.

Turut hadir ialah calon Dewan Undangan Negeri Paya Rumpit, Datuk Mohd. Ali Rustam dan calon Dewan Undangan Negeri Ayer Keroh, Datuk Seah Kwi Tong.

Abdul Ghafar memberitahu, itulah sebabnya, beliau bersedia bertanding kali ini untuk merebut kawasan Parlimen Batu Berendam apabila diminta oleh pucuk pimpinan parti.

Katanya, beliau bersedia berkhidmat terhadap

rakyat di bawah pimpinan kerajaan BN kerana yakin ia satu-satunya parti yang boleh mewakili semua kaum, baik Melayu, Cina ataupun India.

"Saya bersedia berkhidmat sehingga akhir hayat saya," katanya yang telah 10 kali bertanding pada pilihan raya.

Menurutnya, usia bukan penghalang kepada dirinya untuk berkhidmat kerana di negara China, pemimpin-pemimpin besarnya berusia sekitar 80-an atau 90-an semasa memimpin negara tersebut.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu bagaimanapun tanpa memberikan sebab berkata, beliau enggan dilantik sebagai menteri sekiranya dipilih oleh Perdana Menteri.

"Tetapi kalau ditawarkan menjadi Setiausaha Agung BN, saya bersedia kerana saya mahu rapatkan lagi hubungan antara kaum Melayu, Cina dan India," katanya.

Menurutnya, gabungan antara ketiga-tiga kaum itu perlu bagi membolehkan kerajaan BN memerintah dengan majoriti yang besar.

"BN memang memerlukan kemenangan besar pada pilihan raya ini agar kerajaan yang kuat dapat dibentuk sekali gus mampu menyakinkan orang luar yang ingin melabur di Malaysia," ujarnya.